

NO. SOALAN: 156

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KELIMA
PARLIMEN KETIGA BELAS (2017)
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI WEE JECK SENG [TANJONG
PIAI]**

SOALAN :

Dato' Sri Wee Jeck Seng [Tanjong Piai] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan apakah mekanisme penyelarasan yang digunakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis atau Jabatan Agama Islam Negeri-negeri (MAIN/JAIN) sejak tahun 2013 bagi memastikan pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia dapat dilaksanakan secara konsisten.

**JAWAPAN: (YB MEJAR JENERAL DATO' SERI JAMIL KHIR
BIN HAJI BAHAROM (B), MENTERI DI JABATAN
PERDANA MENTERI)**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) dan Majlis Agama Islam Negeri(MAIN)/ Jabatan Agama Islam Negeri(JAIN) merupakan pihak berkuasa berwibawa di Malaysia untuk memperaku mana-mana makanan, barang-barang atau perkhidmatan yang berhubung dengan makanan atau barang-barang adalah halal. Ia dilakukan melalui pelaksanaan Pensijilan Halal

Malaysia. Kuasa ini adalah sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 3, Perintah Perihal Dagangan 2011. Ini menjadikan JAKIM dan MAIN/JAIN sebagai agensi peneraju Pensijilan Halal Malaysia.

Sehubungan itu, mekanisme penyelarasan dalam pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia antara JAKIM dan Majlis/Jabatan Agama Islam Negeri (MAIN/JAIN) sejak pensijilan bersama bermula 2013 dan penyelarasan secara komprehensif dicapai pada tahun 2014 adalah melalui 3 mekanisme utama, iaitu :-

1. Mesyuarat dan bengkel penyelarasan, antaranya :-

- a) Mesyuarat Majlis Halal Malaysia - penubuhan Majlis Halal Malaysia (MHM) yang menggabungkan pelbagai agensi di bawahnya adalah mekanisme penyelarasan terbesar bagi ekosistem halal di Malaysia. Bahkan tujuan utama MHM ditubuhkan adalah sebagai medium penyelarasan antara agensi;
- b) Mesyuarat Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia;
- c) Persidangan Ketua-Ketua Jabatan/Majlis Agama Islam Negeri Seluruh Malaysia;
- d) Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksana Pensijilan Halal Malaysia setiap 3 bulan sekali;
- e) Bengkel Penyelarasan Pengauditan; dan
- f) Bengkel Penyelarasan Pemantauan dan penguatkuasaan Halal.

2. Peraturan dan SOP dalam pelaksanaan Pensijilan Halal Malaysia - Malaysian Standard (MS), Manual Prosedur Pensijilan Halal

162

Malaysia (MPPHM), keputusan fatwa adalah rujukan utama dalam Pensijilan Halal Malaysia. JAKIM dan JAIN melaksanakan proses pensijilan menggunakan Manual yang sama.. SPHM dan Logo Halal Malaysia adalah seragam. Tiada perbezaan antara sijil dan logo halal yang dikeluarkan sama ada oleh JAKIM atau JAIN.

3. Permohonan secara atas talian melalui Sistem MYeHALAL untuk satu Malaysia.

Sekian, terima kasih.